

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, May 22, 2019 3:24 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Terap Homestay Mesra Alam



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

22 MEI 2019 / 17 RAMADAN 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

UUM TERAP HOMESTAY MESRA ALAM



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) menerapkan homestay mesra alam yang menyuntik kesedaran mencintai alam sekitar dalam kalangan penduduk Kampung Sungai Buloh, Sedim, Kedah.

Pengarah program *Knowledge Transfer for Homestay Proprietors*, Muhamad Haziq Ahmad Fahmi berkata, inisiatif program ini memberi pendedahan mengenai alam sekitar dan mempraktikkan ilmu pengemasan bilik kepada penduduk setempat.

Pelajar diberi peluang mengadakan program berimpak kecil yang mampu memberi kesan jangka panjang kepada penduduk kampung itu sendiri dan yang paling penting aktiviti tanggungjawab sosial ini telah mencapai objektifnya.

Program 2 hari 1 malam itu dimulakan dengan majlis perasmian yang menyaksikan proses pembahagian anak angkat 3 pelajar bagi setiap rumah.

“Pada waktu petang, pertukaran maklumat berkaitan kaedah pengemasan bilik serta tandas keesokan harinya, program diteruskan dengan gotong royong mengutip sampah di sekitar kawasan Sungai Sedim.

“Saya sedar yang kita tidak boleh mengubah orang lain jadi bermula dengan diri kita menunjukkan sikap untuk dicontohi misalnya mengutip sampah beramai-ramai apabila timbul rasa sayang pada alam sekitar kita dapat mengutip sampah tanpa rasa kotor dan jijik.

“Kami berjaya mengumpul sampah sebanyak 70 kg hasil komitmen padu penduduk kampung dengan semangat berpasukan serta terjalin silaturahim antara pelajar dan masyarakat yang sungguh mesra,” luahnya.

Hazig berharap program seperti ini akan diteruskan pada masa akan datang dalam aspek pertukaran maklumat dan demi kelestarian alam semulajadi.

Pensyarah, Muhammad Fauzi Mokhtar berkata, program di bawah kursus *Housekeeping*, Pusat Pengajian Pengurusan Hospitaliti, Pelancongan dan Pengacaraan dengan kerjasama pengusaha Homestay Sedim melibatkan 43 pelajar.

“Program ini diadakan untuk membantu pengusaha homestay dengan memberi tunjuk ajar berkaitan *bedmaking* dan *toilet cleaning* serta menyuntik kesedaran mencintai alam sekitar di kalangan pelajar dan komuniti,” ulasnya.

Dalam sesi ceramah, Fauzi menerangkan aspek-aspek penting dalam kaedah penjagaan alam sekitar misalnya penggunaan plastik, botol, *straw* dan buatan plastik yang memudaratkan alam sekitar

“Pengusaha perlu mengikut SOP bagi keseragaman dengan semua pengusaha Kelestarian alam sekitar amat penting untuk dijaga bagi memastikan alam sekitar terus selamat didiami untuk diwarisi kepada generasi akan datang.

“Selain kita melaksanakan *Reduce, Reuse, Recycle*, kita juga perlu *Refuse* terutamanya plastik yang mudah dan murah didapati tetapi tidak boleh dikompos dan jika dibakar boleh mendatangkan bahaya kepada orang ramai,” terangnya.

Tambahnya, aktiviti ini juga diadakan bagi menyahut seruan Kementerian Pelancongan (MOTAC) untuk membantu homestay dalam aspek kelestarian alam sekitar dan UUM yang menggalakkan *service learning*.

“Dalam menjaga kebersihan kita perlu ubah mentaliti bahawa ini bukan kerja tukang cuci atau majlis bandaran semata-mata tetapi tanggungjawab dalam menjaga alam sekitar perlu digalas bersama kerana pencemaran akan membahayakan manusia.

“Inilah masanya mahasiswa memulangkan sesuatu kepada UUM dan program ini memberi dorongan kepada orang lain agar prihatin terhadap alam sepertimana kita menjaga rumah sendiri,” ujarnya.

Sementara itu, siswi Sarjana Muda Pengurusan Hospitaliti, Thong Hui Yi, 23 teruja menimba banyak pengalaman di desa sepanjang dua hari berada di sana.

“Program ini sungguh istimewa dan mencabar kerana saya tak pernah duduk di kampung menariknya saya bertuah kerana keluarga angkat sangat mesra dan suka masak makanan yang sedap-sedap.

“Paling manis semasa semua pelajar berkumpul untuk berbeku (BBQ) dan bermain permainan yang menjadikan hubungan kami bertambah erat.

“Semasa kumpulan kami membuat penerangan dan menunjuk cara kemas bilik seperti mengemas katil dan mencuci tandas kepada ibu angkat, di situ berlaku banyak soal jawab antara kami,” luahnya.

Hui Yi berpendapat program ini bermanfaat kepada penduduk terutama yang bakal membina homestay memandangkan hanya rumah yang berkualiti dan bersih bakal menarik pelancong.

Malah, para pelajar juga menimba ilmu *housekeeping* dan mempraktikkan di dunia sebenar yang menjadikan mereka lebih memahami subjek yang diajar semasa kuliah.

Menurut seorang penduduk kampung, Sopia Ahmad, program yang dianjurkan oleh UUM dapat memberi ilmu dan kesedaran kepada penduduk sedim sekali gus dapat mendekatkan universiti dengan masyarakat.

“Anak-anak ini dapat merasai bagaimana rasanya kehidupan di desa dengan lebih dekat selain sesi perkongsian ilmu yang sungguh bermanfaat untuk dipraktikkan oleh pengusaha homestay dan membudayakan amalan kebersihan,” tambahnya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.